

Banjir akibat gagal kawal pembalakan - Dr. M

SIK 9 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas kerajaan Kedah yang diterajui Pas kerana gagal mengawal aktiviti pembalakan di negeri itu sehingga kerap berlaku banjir luar biasa yang merosakkan rumah dan kemudahan rakyat.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, keadaan tersebut antara bukti pembangkang tidak mampu menadbir negeri dengan baik dan penduduk Kedah perlu mengembalikan kuasa memerintah negeri kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

"Banjir bukan sahaja merosakkan rumah rakyat, tetapi sisa kayu balak yang dihanyutkan banjir juga memusnahkan kemudahan untuk rakyat seperti jambatan," katanya

 Banjir bukan sahaja merosakkan rumah rakyat, tetapi sisa kayu balak yang dihanyutkan banjir juga memusnahkan kemudahan untuk rakyat seperti jambatan

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

kepada pemberita, di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditemui pemberita ketika melawat kawasan yang terjejas akibat aktiviti pembalakan di Kampung Pelangi, Gulau dekat sini.

Banjir yang melanda kawasan itu turut merobohkan sebuah jambatan konkrit yang baru siap dibina untuk

kemudahan penduduk.

Turut serta dalam lawatan itu ialah isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Hanipah dan Anggota Dewan Undangan Negeri Belantik, Datuk Mohd. Tajuddin Abdullah.

- BERNAMA